

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH
BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
MOHD DUN [BEAUFORT]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 [RABU]

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah kaedah yang diguna pakai untuk mengatasi dan menghalang tebing- tebing sungai seperti Sungai Padas di Beaufort daripada terus terhakis.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Melalui Program Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Pelbagai Negeri, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) membantu Kerajaan Negeri dengan menyalurkan peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja untuk mengurangkan risiko banjir di seluruh Negara. Daripada tahun 2018 sehingga 2021, sebanyak RM1.2 juta telah diperuntukkan di kawasan Parlimen Beaufort.

2. Disamping itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyediakan pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Integrated River Basin Management* - IRBM) bagi Sungai Padas yang siap pada 2019. Melalui pelan IRBM ini, Kementerian telah menyediakan cadangan menangani isu-isu strategik dalam lembangan untuk rujukan kerajaan negeri dalam merancang pembangunan agar selari dengan matlamat pemeliharaan kelestarian alam sekitar. Ia merupakan kaedah terbaik yang memerlukan penglibatan semua pihak berkepentingan bagi mengelakkan berlakunya insiden pencemaran, memastikan sumber air yang bersih dan mencukupi, mengurangkan risiko banjir serta meningkatkan pemuliharaan alam sekitar. Sehubungan dengan itu, kerajaan Negeri Sabah disarankan menggunakan Pelan IRBM ini dalam merancang pembangunan.

Sekian, terima kasih.